



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**MANIPULASI SABUT PETOLA SEBAGAI MATERIAL NILAI
TAMBAHAN DALAM FESYEN PAKAIAN**

Chen Qian Yi

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka Tekstil and Fesyen)
2011

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **MANIPULASI SABUT PETOLA SEBAGAI MATERIAL NILAI TAMBAHAN DALAM FESYEN PAKAIAN**

SESI PENGAJIAN : 2010/2011

Saya CHEN QIAN YI

mengaku membenarkan *tesis ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. **sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat tetap:
99A, Jalan Pasar
34300 Bagan Serai
Perak.

Tarikh : 26 MEI 2011

Disahkan oleh:



(TANDATANGAN PENYELIA)

Norhayati Suleiman

Pensyarah Kanan

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Tarikh : 01 | 06 | 11

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

P. KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK

UNIMAS



1000273989

**MANIPULASI SABUT PETOLA SEBAGAI MATERIAL NILAI TAMBAHAN
DALAM FESYEN PAKAIAN**

CHEN QIAN YI


**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunan dengan Kepujian
Teknologi Seni Reka Tekstil dan Fesyen**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2011**

PENGESAHAN

Projek bertajuk "**Manipulasi Sabut Petola Sebagai Material Nilai Tambahan Dalam Fesyen Pakaian**" telah disediakan oleh **Chen Qian Yi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka Tekstil dan Fesyen)

Diterima untuk diperiksa oleh :



.....
Mohayati Suleiman.....
Pensyarah Kanan
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
(UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK)

Pensyarah,

Jabatan Teknologi Seni Reka.

Tarikh : ..01/06/11..

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagia daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.



(Chen Qian Yi)

No.Matrik : 20785

PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kerana dapat menyiapkan penyelidikan dan penulisan ilmiah projek tahun akhir ini dalam jangka masa yang ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia projek saya Cik Norhayati Suleiman, beliau telah memberi banyak bantuan semasa menjalankan penyelidikan manipulasi sabut petola sebagai material nilai tambahan dalam fesyen pakaian ini. Di samping itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr.Nazlina Shaari dan Dr. June Ngo Siok Kheng serta pensyarah lain ke atas cadangan dan pendapat yang diberikan.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa saya, Mr. Chen Ee San dan Mrs. Fang Sow Meng, terutamanya ibu saya yang memberi banyak sokongan kepada saya serta ahli keluarga saya yang dikasihi. Segala pengorbanan mereka akan saya hargai.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi banyak bantuan dan dorongan, serta memberi inspirasi semasa menjalankan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang memberi batuan sepanjang penyelidikan ini. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Borang Pegesahan	i
Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Abstrak	ix
Abstract	x

BAB 1 : LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Persoalan Kajian	4
1.2 Penyata Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Limitasi	7
1.5 Hipotesis	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Gelintiran kesusasteraan	9

BAB 2 : METODOLOGI

2.0 Pengenalan	11
2.1 Data Primer	13
2.1.1 Eksperimen	13

2.1.2 Permerhatian dan persampelan	14
2.1.3 Borang Soal Selidik	14
2.2 Data Sekunder	16
2.3 Kesimpulan	16

BAB 3 : HASIL DAPATAN KAJIAN

3.0 Pengenalan	17
3.1 Bahan Bacaan	17
3.1.1 Buka dan Petikan surat khabar	17
3.1.2 Laman Web	18
3.2 Pemerhatian	19
3.3 Eksperimen	20
3.3.1 Proses melimbutkan dan menipiskan sabut petola	20
3.3.2 Proses memanipulasikan sabut petola	28
3.4 Borang Soal Selidik	31
3.4.1 Bahagian A Demografik	32
3.4.2 Bahagian B	37
3.4 Kesimpulan	47

BAB 4 : PRODUK AKHIR

4.0 Pengenalan	49
4.1 Perkembangan idea	49
4.1.1 Konsep	49
4.1.2 Lakaran idea	50

4.2 Rekaan produk akhir	53
4.2.1 Rekaan produk pertama	53
4.2.2 Rekaan Produk ke dua	56
4.2.3 Rekaan produk ke tiga	58
4.2.4 Rekaan produk ke empat	61
4.3 Kesimpulan	62

BAB 5 : VALIDASI PRODUK

5.0 Pengenalan	64
5.1 Proses Validasi	64
5.1.1 Perbandingan produk	65
5.2 Kelebihan Produk	66
5.2 Kelemahan Produk	67
5.3 Batasan Kajian	67
5.4 Kesimpulan	68

BAB 6 : KESIMPULAN	69
---------------------------	----

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN

LAMPIRAN

Lampiran A

Harta intelek

Lampiran B

Borang Kajian Selidik

Borang Validasi

Lampiran C

Konsep

Panel

Lampiran D

Jadual Penyelidikan

Lampiran E

Pattern Layout produk 1

Pattern Layout produk 2

Pattern Layout produk 3

Pattern Layout produk 4

Lampiran F

Costing sheet produk 1

Costing sheet produk 2

Costing sheet produk 3

Costing sheet produk 4

Abstrak

Sabut Petola merupakan sejenis buah daripada pokok petola yang popular untuk material pembersihan dan penapis. Namun begitu, ia kurang dieksplorasikan sebagai material dalam industry fesyen. Kajian ini menfokuskan rawatan petola dan manipulasinya untuk diaplikasikan sebagai nilai tambah dalam rekaan fesyen. Melalui kajian ini, diharap material petola dapat diperluaskan potensi penggunaannya dalam industry fesyen.

Abstract

Luffa fiber is a fiber from the luffa fruit which is popular as a cleaning material and filter. However luffa fiber is less applied as material in fashion industry. These study focuses on doing treatment on luffa fiber and manipulate it as an embellishment for fashion design. Through this study it expected to expand the use of luffa material in fashion industry.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sabut petola merupakan sejenis bahan semula jadi dan merupakan buah daripada pokok petola. Kajian di buat ke atas sabut petola kerana ia berpotensi tinggi untuk dijadikan sebagai material alternatif dalam nilai tambahan fesyen pakaian. Hal ini kerana ciri-ciri sabut petola yang estetika pada texturanya yang berpotensi untuk menjalankan eksperimen ke atasnya.

Petola yang akan dimanipulasikan dalam kajian ini merupakan kategori jenis Petola Bulat. Petola Bulat ini juga dikenali sebagai Petola Buntal atau Ketola Manis. Ia mempunyai dua spesis iaitu '*Luffa acutangula*' dan '*Luffa aegyptiaca*' (nama botani). Petola merupakan sejenis tumbuhan yang berada dalam katagori '*cucurbitaceae*' iaitu jenis tumbuhan yang bersifat menjalar, popular di negara Asia dan Afrika¹. Petola bulat jenis liar terdapat juga dari negara Myanmar hingga ke Filipina dan merebak ke selatan hingga ke Tahiti dan bahagia utara Australia. Kini, kebanyakan petola tersebut ditanam di kawasan iklim tropika dunia.²

Biasanya, sebelum buahnya matang ia akan dipetik dan dimakan sebagai sayuran kerana buah matangnya tidak boleh dimakan disebabkan ia terlalu pahit dan terdapat banyak serabut yang keras dan liat pada bahagian dalamnya. Selain itu buah matang juga mangadungi bahan julap yang boleh menyebabkan cirit-birit. Kadang-kadang

¹Wikipedia,2010

²(Sayuran : khasiat makanan dan ubatan / Ong Hean Chooi, 2003)

petola ditanam bukan untuk dimakan atau dijual tetapi untuk memperoleh sabut di dalam buah matang yang mempunyai nilai komersial sebagai penapis dalam pelbagai jenis enjin, bahan insulasi terhadap bunyi, gegaran dan suhu, penggosok badan semasa mandi, penggosok perkakas dapur dan sebagainya.³


Bentuk buah petola adalah bentuk mirip silinder, permukaan kulitnya adalah licin, tiada urat timbul yang jelas dan bahagian hujungnya mempunyai bekas kaliks dan benang sari.⁴ Buah petola yang masih muda adalah berwarna hijau muda kekuningan dan selepas ia matang dan kering warna kulitnya akan bertukar menjadi warna coklat. Karakter buah petola muda adalah lembut dan berair manakala apabila buah petola matang ia akan menjadi keras, kental dan kasar serta mempunyai banyak serat tetapi semasa ia direndam dengan air ia akan jadi lembut.

Berdasar maklumat yang dikumpul kajian pengaplikasian material semula jadi adalah kurang popular dalam fesyen pakaian. Namun begitu terdapat juga penggunaan material semula jadi dalam rekaaan fesyen seperti sabut kayu, serat pokok pisang, daun mengkuang dan lain-lain tetapi sabut petola adalah tidak popular untuk dijadikan nilai tambahan dalam rekaan fesyen. Ciri-ciri sabut petola ini mempunyai potensi yang tinggi dalam penghasilan rekaan fesyen kerana ia mempunyai textura yang tersendiri yang menarik, kental, kukuh dan apabila ia dimasukan dalam air ia akan menjadi lembut, dengan ini ia tidak takut dirosakan semasa mencuci pakain tersebut.

³(Sayuran : khasiat makanan dan ubatan / Ong Hean Chooi, 2003)

⁴(Sayuran : khasiat makanan dan ubatan / Ong Hean Chooi, 2003)

Dalam bidang fesyen pada masa kini, kebanyak mereka menggunakan material yang tidak semula jadi seperti *polyester*, *nilon* dan lain-lain sebagai nilai tambahan kepada fesyen pakaian. Hal ini kerana cost material tersebut adalah lebih murah berbanding dengan kost material semula jadi tetapi ia adalah tidak mesra kepada alam dengan mengatikkan bahan semula jadi ini masalah ini dapat diatasi.



Rajah 1 : Proses penghasilan sabut petola

Proses penghasilan sabut petola dari buah sampai ke sabutnya. Pertama adalah buah petola bulat yang masih muda dan merupakan masa yang sesuai dituai dan dimakan sebagai sayuran. Selaras buah petola matang sampai warna kecoklatan buahnya boleh dituai dan dikeringkan sepenuh mungkin untuk dijadikan span petola. Proses penghasilan sabut petola yang bersih bermula dengan pengupasan kulitnya, kemudian biji petola akan dikeluarkan melalui lubang yang di hujung petola itu. Biji buah petola adalah kelihatan coklat kehitaman dan setelah petola itu siap dibersih, sabut petola telah siap disediakan (rujuk rajah 1).

1.1 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang wujud dalam kajian ini iaitu :

- Adakah sabut petola berpotensi untuk dijadikan sebagai nilai tambah dalam fesyen pakaian?
- Apakah teknik manipulasi dan rawatan yang sesuai untuk dijadikan sebagai nilai tambahnya?

1.2 Penyata Masalah

Kajian ini dapat mengenal pasti beberapa permasalahan iaitu :

1. Menurut maklumat yang dikumpul sabut petola hanya lebih difokuskan sebagai material pembersihan seperti span mencuci pinggan mangkuk atau span mencuci badan.
2. Sabut petola kurang dieksplorasikan dengan rawatan dalam menambahbaikan nilai estetikanya. Ini dapat dilihat melalui produk-produk yang terdapat dalam pasaran sekarang, produk yang dihasilkan dengan sabut petola kebanyakan terus menggunakan sabut tersebut tanpa sebarang rawatan iaitu tanpa mengubah ciri-cirinya atau cuma mewarnakannya dan berbeza dari segi cara pemotongannya sahaja (rujuk rajah 2).
3. Kekurangan aplikasi sabut petola sebagai nilai tambahan dalam fesyen pakaian.



Rajah 2 : Produk yang dihasilkan daripada sabut petola

1.3 Objektif

1. Mengenalpasti ciri-ciri sabut petola dan potensinya sebagai nilai tambahan dalam fesyen pakaian.
2. Eksperimentasi terhadap teknik-teknik dan bahan-bahan serta proses rawatan yang bersesuaian pada sabut petola.
3. Mengaplikasikan sabut petola sebagai nilai tambahan dalam rekaan fesyen pakaian.
4. Membuat validasi kesesuaian sabut petola ke atas rekaan fesyen pakaian.

1.4 Limitasi

1. Kekurangan bahan rujukan mengenai teknik-teknik rawatan yang dapat diaplikasikan atas bahan semula jadi, dengan ini saya perlu member experimentasi sendiri.
2. Terdapat graduat yang bernama Yuslina binti Yahya telah membuat kajian tetang tahap penyerapan warna serat petola kepada hiasan dalaman.
3. Mungkin sesetengah orang tidak mengenali sabut petola kerana ia kurang popular.

1.5 Hipotesis

Hipotesis kajian ini adalah menghasilkan fesyen pakaian yang menggunakan sabut petola yang telah dibuat rawatan sebagai nilai tambah atasnya. Kajian ini akan mengaji dan menghasilkan material yang semula jadi dengan menggunakan sabut petola. Fungsi sabut petola adalah sebagai nilai tambahan seperti lace atau manik dan rawatan yang sesuai akan diaplikasikan atas sabut petola tersebut untuk menjadikan sabut petola tersebut menjadi lebih lembut, nipis dan padat serta sesuai dijahit.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada mengenalpasti teknik rawatan yang dapat diaplikasikan ke atas sabut petola supaya dapat menipiskan dan melembutkannya supaya dapat menambahbaikan nilai estetikanya. Skop kajian penyelidikan adalah di sekitar kawasan Kota Samarahan terutamanya pelajar dari Universiti Malaysia Sarawak.

1.7 Gelintiran Kesusasteraan

Yuslina binti Yahya (2007) dalam “Kajian Pengaplikasian Serat Ketola Dalam Produk Hiasan Dalaman” memberi tumpuan dalam menganalisa serat ketola sebagai material baru dari segi tahap penyerapan ketola terhadap warna dan bahan yang lain yang digunakan untuk menambahkan nilai estetikanya untuk menghasilkan hiasan dalaman. Kajian ini telah berjaya menghasilkan 3 buah hiasan dalaman yang diperbuat daripada serat ketola.

Kajian ini dibuat kerana tiada penciptaan baru yang memanipulasikan serat ketola kepada hiasan dalaman, mahupun terdapat penciptaan baru yang menggunakan bahan semula jadi seperti kulit kayu, rotan, buluh dan lain lain tetapi serat ketola masih tidak popular antaranya.

Objektif kajian ini adalah menganalisa serat ketola sebagai material baru yang boleh diaplikasikan untuk menghasilkan produk hiasan dalaman, mengenal pasti bahan dan teknik yang akan digunakan bagi memanipulasi serat semula jadi dan menghasilkan produk hiasan dalaman dengan menggunakan serat ketola melalui keputusan yang diperolehi hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Skop kajiannya adalah orang ramai yang ada di sekitar Kuching, Sarawak.

Hasil dapatan kajian adalah hiasan dalaman yang mampu bersaing dengan produk sedia ada di dalam pasaran. Beliau berharap kajian terhadap serat ketola akan diteruskan bagi mengkaji tahap kepelbagaiannya dalam penggunaan dan pengaplikasikannya. Persamaan kajian ini dengan kajian beliau adalah kedua-dua

kajian tersebut adalah menggunakan serat ketola atau petola untuk menghasilkan produk yang tersendiri. Selain daripada itu objektif kajian juga lebih tertumpu kepada memanipulasikan serat ketola sebagai material baru. Manakala, perbezaan antara kajian tersebut adalah dari segi teknik yang diaplikasikan ke atas petola dan hasil dapatan produk iaitu beliau menfokuskan kepada hiasan dalaman manakala kajian ini lebih menjurus kepada rekaan fesyen pakaian.

1.8 Kesimpulan


Kesimpulannya, manipulasi sabut petola dengan rawatan supaya ia sesuai dijadikan sebagai nilai tambah atas fesyen pakain diharap dapat menambahbaikan nilai estetikanya dan diharap dapat mengalakan penggunaan bahan semula jadi sebagai nilai tambahan dalam industri apperial.

BAB 2


METODOLOGI

2.0 Pengenalan

Bahagian ini adalah mengenai bagaimana kajian ini akan dijalankan dan rancangan kajian ini. Kajian yang dijalankan merupakan kajian kulitatif iaitu mendapatkan maklumat melalui proses eksperimentasi, permerhatian, temubual, video, fotografi dan lain-lain, manakala proses yang akan dijalankan dalam kajian ini adalah eksperimentasi dan permerhatian dan persampelan (rujuk rajah 3)



Rajah 3: Carta aliran ringkas metodologi kajian



Rajah 4 : Carta aliran metodologi kajian